

Hormati Yang di-Pertuan Agong - PM

Oleh **ASLINDA NASIR**

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, tarikh pembubaran Parlimen adalah di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan bukannya Perdana Menteri.

Membidas kenyataan Setia-

usaha Agung DAP, Anthony Loke Siew Fook yang menyifatkan kerajaan sebagai *flip flop* mengenai tarikh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), Perdana Menteri berkata, beliau hanya boleh menasihati Seri Paduka berhubung perkara itu dan terserah kepada baginda untuk menentukannya.

“Saya tidak boleh katakan tarikh yang tepat kerana itu kerana saya akan ambil alih tugas

Yang di-Pertuan Agong. Itu salah dari segi Perlembagaan kalau saya tetapkan tarikh.

“DAP punya perangai mungkin dia tidak hormat Seri Paduka tetapi saya hormat,” katanya ketika menghadiri sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu, di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, beliau belum bertemu Menteri Perusahaan Perladangan dan

Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin untuk berbincang mengenai kedudukannya dalam Kabinet.

“Beliau masih bercuti. Tarikh perjumpaan antara saya dengan Zuraida akan diberitahu kemudian,” katanya.

Zuraida sebelum ini mengumumkan keluar daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan menyertai Parti Bangsa Malaysia (PBM).

Berikutan itu, kedudukan beliau sebagai menteri menjadi tanda tanya apabila Bersatu mendakwa pelantikan beliau adalah atas kuota parti itu.

Sebelum ini, Ismail Sabri berkata, jawatan Ahli Parlimen Ampang itu sebagai anggota Jemaah Menteri tidak terjejas walaupun beliau keluar daripada Bersatu.

Zuraida keluar daripada Bersatu dan menyertai PBM 26 Mei lalu.

UM - 6/6/2022

m/s: 4